

11/12/2001

Perhimpunan Se-Asia bincang tindak balas perubahan global

Mohd Hamizar Hamid

KUALA LUMPUR, Isnin - Isu mengenai tindak balas Asia terhadap perubahan global sebelum dan selepas serangan ke atas Amerika Syarikat dan peranan wanita di rantau ini adalah antara perkara utama yang akan dibincangkan dalam Perhimpunan Se-Asia (OAA) yang akan diadakan di sini tahun depan.

Perhimpunan bertemakan 'Masyarakat, Pentadbiran dan Kenyataan Baru' yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), mulai 12 hingga 14 Ogos 2001 itu dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Eksekutif jawatankuasa penganjur OAA, Datuk Abdul Kadir Jasin, berkata perhimpunan kali kelima yang dijangka disertai 500 peserta itu juga akan membincangkan isu mengenai kemasyarakatan, terutama membabitkan masyarakat Asia.

"Perhimpunan itu bertujuan mengajak pelbagai lapisan masyarakat, termasuk ahli politik, perniagaan, pakar ekonomi, sains kemasyarakatan dan cendekiawan untuk turut sama berbincang mengenai isu keamanan.

"Menerusi perhimpunan itu, pelbagai pihak termasuk media berpeluang membincangkan isu penting dan kritikal yang melanda masyarakat Asia dan seluruh dunia terutama selepas kejadian serangan ke atas Amerika.

"Bagaimanapun, persidangan ini bukan diadakan khusus berikutan kejadian serangan itu," katanya pada sidang akhbar mengenai perhimpunan anjuran Yayasan Akhbar Asia (PFA) itu, di sini hari ini.

Hadir sama pada sidang akhbar berkenaan ialah Pengerusi jawatankuasa penganjur OAA, Datuk Mazlan Nordin; Naib Pengerusi, Tan Sri Razali Ismail dan Ketua Pegawai Operasi, Khairul Bashar.

Abdul Kadir yang juga Pengerusi Bernama berkata, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan, dijangka turut hadir selain beberapa tokoh wanita yang menerajui kepimpinan dalam masyarakat.

Beliau berkata, pihak penganjur berharap pemimpin wanita Asia seperti Aung San Su Kyi dari Myanmar, Presiden Filipina Gloria Arroyo, Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri, Presiden Sri Lanka Chandrika Kumaratunga dan bekas Perdana Menteri Pakistan, Benazir Bhutto, akan menghadiri perhimpunan itu.

"Kami sedang cuba menghubungi mereka menerusi kedutaan dan pesuruhjaya tinggi bagi mendapatkan pemimpin berkenaan dan jika tidak, satu siaran satelit yang menampilkan mereka semasa perhimpunan itu akan diadakan," katanya.

Beliau berkata, pada masa lalu adalah menjadi satu tradisi bagi ketua negara tuan rumah serta Setiausaha Agung PBB untuk merasmikan perhimpunan itu dan Malaysia berharap Annan dapat berbuat demikian.

Antaranya, topik berkaitan wanita Asia akan turut difokus termasuk mengenai kehidupan Aung San Suu Kyi dari Myanmar; Presiden Gloria Arroyo (Filipina); Presiden Megawati Sukarnoputri (Indonesia); Chandrika Kumaratunga (Sri Lanka) dan Benazir Bhutto (Pakistan).

Beliau berkata, topik lain yang akan dibincangkan pada perhimpunan itu ialah peranan media di Asia, keganasan dan ekstrimisme.

Sementara itu, Razali berkata perhimpunan itu adalah satu acara penting bagi Malaysia kerana realiti baru akan dibincangkan dalam konteks globalisasi.

Beliau yang juga wakil khas PBB ke Myanmar berkata, tema itu merangkumi semua bidang termasuk politik dan pentadbiran yang tidak konsisten di Asia.

Mazlan pula berkata, Malaysia berhadapan dengan tugas berat dalam menganjurkan acara itu dan yakin ia akan mencapai kejayaan.

Selain daripada perhimpunan pertama di Manila, perhimpunan yang sama pernah diadakan di Bali (1971), New Delhi (1973) dan akhir sekali di Manila pada 1990.

(END)